



**PROSES PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN
PAKAR PERUBATAN PERUNDING
DI HOSPITAL TENGKU AMPUAN AFZAN (HTAA), KUANTAN**

Kandungan

Perkara	M/S
Proses Kerja Permohonan Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding HTAA	2
Carta alir Proses Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding HTAA	3
Borang A: Borang permohonan dan sokongan Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding	4-5
Lampiran I: Borang penilaian MDAC Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding	6-7
Lampiran II: Rumusan Penilaian Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding	8-9

PROSES KERJA PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERUBATAN PERUNDING DI HTAA

1. Unit Sumber Manusia (USM) dilantik sebagai urusetia dalam proses permohonan Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding.
2. Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan mengenalpasti pakar yang layak mengikut kriteria yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Perubatan Perunding.
3. Pemohon (dengan saranan Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan) perlu mengenalpasti 2 Pakar Perubatan Perunding untuk membuat penilaian. Pemohon juga perlu memaklumkan kepada pakar perunding tersebut (yang akan membuat penilaian).
4. Penilaian boleh dilakukan melalui temuduga/ serahan borang penilaian (Lampiran I) melalui pos/email.
5. Pakar (pemohon) perlu:
 - i. mengisi borang permohonan Borang A (1 salinan).
 - ii. sertakan sekali **CV terkini, Sijil NSR, Sijil Pewartaan, Sijil C&P.**
 - iii. mengisi maklumat pegawai di Lampiran I: Borang Penilaian MDAC (4 salinan bagi 4 panel) dan Lampiran II : Rumusan Penilaian (1 salinan).
6. Borang A, Lampiran I dan II serta sijil berkenaan perlu dimajukan kepada pihak urusetia (Unit Sumber Manusia) untuk diproses.
7. Pihak urusetia memaklumkan kepada Pengerusi/Timbangan MDAC berkenaan permohonan yang diterima serta memuktamadkan Ahli Panel Jemputan bagi mesyuarat penilaian. Penilaian dilakukan oleh sekurang-kurangnya 2 Ahli MDAC dan 2 Ahli Jawatankuasa yang dilantik daripada Jabatan Pakar yang memohon.
8. Urusetia membuat persediaan mesyuarat penilaian, (memilih tarikh yang sesuai dan mengesahkan senarai nama ahli MDAC dan ahli Jawatankuasa yang terlibat).
9. Mesyuarat penilaian Pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding oleh ahli MDAC dan Ahli Jawatankuasa yang dilantik dari Jabatan Pakar yang memohon diadakan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak Urusetia.
10. Untuk HTAA, **markah purata 85 dan keatas** akan dipertimbangkan untuk kelulusan pengiktirafan Pakar Perubatan Perunding.
11. Setelah markah penilaian dan keputusan diperolehi, pihak urusetia akan mengemukakan senarai nama pakar yang lulus berserta surat lantikan kepada Pengarah Hospital.
12. Surat lantikan Pakar Perubatan yang telah diperakukan sebagai Pakar Perubatan Perunding perlu dikeluarkan oleh Pengarah Hospital.
13. Setelah kelulusan daripada Pengarah diperolehi, pihak urusetia akan mengedarkan surat lantikan Pakar Perubatan Perunding kepada pakar yang terlibat


CARTA ALIR PENGIKTIRAFAN PAKAR PERUBATAN PERUNDING HTAA

Tindakan

Urusetia
(Unit Sumber
Manusia)

Jabatan Terlibat

Urusetia
(Unit Sumber
Manusia)



BORANG PERMOHONAN DAN SOKONGAN KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN BAGI PENGIKTIRAFAN PAKAR PERUBATAN PERUNDING DI HTAA

I. MAKLUMAT PEGAWAI (diisi oleh pemohon)

1	Nama Pegawai	
2	No. KP	
3	No. MMC	
4	No. NSR	
5	Bidang Kepakaran	
6	Bidang Subkepakaran	
7	Bidang area of interest	
8	Tarikh warta pakar	
9	Tempoh sejak warta pakar	

II. KOMEN KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN

.....

III. CADANGAN NAMA PAKAR PERUNDING UNTUK MENILAI PEMOHON

*2 cadangan nama diperlukan

Bil	Nama Pakar Perunding	Tempat Bertugas	Alamat Email	No Telefon
1				
2				

**IV. PEGAWAI SEBAGAIMANA YANG DISEBUT DI ATAS DISOKONG /
TIDAK DISOKONG SEBAGAI PAKAR PERUBATAN PERUNDING**

.....
TANDATANGAN KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN
(COP RASMI)

V. TANDATANGAN PEMOHON

.....
(NAMA DAN COP RASMI PEMOHON)

LAMPIRAN I :BORANG PENILAIAN MDAC - PENGIKTIRAFAN PAKAR PERUBATAN PERUNDING HTAA

I. MAKLUMAT PEGAWAI (diisi pemohon dalam 4 salinan)

1	Nama Pegawai	
2	No. KP	
3	No. MMC	
4	No. NSR	
5	Bidang Kepakaran	
6	Bidang Subkepakaran	
7	Bidang area of interest	
8	Tarikh warta pakar	
9	Tempoh sejak warta pakar	

II. KRITERIA PENILAIAN AHLI MDAC/PANEL JEMPUTAN

KRITERIA	MARKAH
1. Berupaya mengendalikan kes-kes kompleks.	/10
2. Berupaya membuat keputusan dengan baik dan pantas semasa mengendalikan kes-kes kritikal atau yang memerlukan intervensi segera (<i>urgent & critical cases</i>).	/10
3. Berupaya memberi khidmat nasihat perunding kepada pakar perubatan bagi pengendalian kes khususnya kes kompleks.	/10
4. Berupaya mengendali dan menyelaras dengan baik kes yang memerlukan penglibatan pelbagai disiplin klinikal (<i>multi-disciplinary cases</i>).	/10
5. Berupaya member latihan yang berkesan kepada pakar perubatan, pegawai perubatan, pegawai perubatan siswazah, jururawat dan lain-lain anggota perubatan dalam aspek pengurusan klinikal pesakit.	/10
6. Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan semua anggota dalam jabatan dan juga jabatan lain serta boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak sebagai satu pasukan (<i>team player and not work insolation</i>).	/10
7. Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pesakit, ahli keluarga dan lain-lain kategori pelanggan khususnya dalam member khidmat nasihat perunding dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan klinikal pesakit.	/10

8. Mempunyai kemahiran serta penglibatan yang memuaskan dalam tadbir urus klinikal termasuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai polisi operasi standard, garis panduan amalan klinikal, pengurusan data klinikal serta inisiatif kualiti.	/10
9. Berupaya bertindak sebagai pengantara atau mediator atau mempunyai kualiti kepimpinan klinikal (<i>clinical leadership</i>) yang baik khususnya semasa berdepan dengan krisis dalam jabatan atau antara jabatan atau semasa berdepan dengan situasi luar jangka seperti bencana, wabak dan sebagainya.	/10
10. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran klinikal yang sentiasa dikemaskini berdasarkan kepada bukti saintifik yang terkini atau sering dijemput sebagai panel pakar dalam persidangan, mesyuarat saintifik atau seminar diperingkat kebangsaan atau antarabangsa.	/10
JUMLAH	/100

III. Dapatan temuduga atau maklumbalas (jikaada).

IV. Lain-lain komen(jikaada).

V. Penilaian disediakan oleh:

[Ahli MDAC/ Ahli Panel Jemputan]
[Cop Rasmi]

LAMPIRAN II :RUMUSAN PENILAIAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERUBATAN PERUNDING

I. MAKLUMAT PEGAWAI (diisi pemohon dalam 1salinan)

1	Nama Pegawai	
2	No. KP	
3	No. MMC	
4	No. NSR	
5	Bidang Kepakaran	
6	Bidang Subkepakaran	
7	Bidang area of interest	
8	Tarikh warta pakar	
9	Tempoh sejak warta pakar	

II. MARKAH PENILAIAN

A) AHLI MDAC YANG MENILAI	MARKAH
Ahli1	/100
Ahli2	/100
Ahli3	/100
B) AHLI PANEL JEMPUTAN YANG MENILAI	
Ahli Panel 1	/100
Ahli Panel 2	/100
PURATA MARKAH	/100

III. RUMUSAN

--

IV. PEGAWAI SEBAGAIMANA YANG DISEBUT DI ATAS BOLEH / TIDAK BOLEH DIPERAKUKAN SEBAGAI PAKAR PERUBATAN PERUNDING

V. RUMUSAN PENILAIAN DISEDIAKAN OLEH:

[Pengerusi MDAC atau Timbalan Pengerusi MDAC]
[Cop Rasmi]